

Komplot jatuhkan kerajaan tidak berasas - Anwar

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan desas-desus mengenai komplot untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan sebagai tidak berasas.

Perdana Menteri berkata, beliau sebaliknya mahu semua jentera kerajaan memberi tumpuan penuh kepada tugas utama iaitu membangunkan negara dan rakyat.

“Tiada asas (komplot jatuhkan kerajaan), kita tumpu kerja. Dia tiada komplot, dia (mereka) nak kerja apa. Justeru, mereka jalankan tugas mereka maka, kita jalankan tugas kerajaan.

“Setiap bulan mereka ada strategi. Insha-Allah, setakat yang kita pantau keadaan (Kerajaan Perpaduan) cukup kuat.

“Apa yang penting, Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) serta lain-lain cukup kuat dan jelas, jadi kita tumpu kerja.

“Jangan layan pengigau-pengigau ini,” katanya ketika ditemui selepas menyampaikan Amanat Hari Pekerja 2023 sempena sambutan Hari Pekerja 2023, semalam.

Media sebelum ini melaporkan kononnya 10 ahli Parlimen



ANWAR Ibrahim menyampaikan Anugerah Hari Pekerja 2023 kepada Dr. Malar Santhi Santheragesapan dalam Sambutan Hari Pekerja 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

yang sebelum ini menyokong Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin terbabit dalam komplot menggulingkan kerajaan dan mendakwa mereka ingin meletak jawatan sebagai wakil rakyat bagi membolehkan diadakan pilihan raya kecil (PRK).

Difahamkan, laporan itu menyebut beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) termasuk

daripada MCA. Bagaimanapun, perkara itu dinafikan Timbalan Presiden Bersatu, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Mengulas isu pengampunan Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri berkata, setiap individu yang dijatuhkan hukuman ada hak untuk diampunkan.

Anwar berkata, setiap permohonan yang dilaksanakan akan

diteliti terlebih dahulu sebelum Lembaga Pengampunan pertimbang berhubung suatu pengampunan.

“Setiap orang yang dijatuhkan hukuman, ada hak untuk membuat permohonan pengampunan.

“Dengan setiap permohonan itu disemak berlandaskan asas selayaknya tanpa prejudis,” katanya.